

PENDAHULUAN

Majlis Ugama Islam mentadbirkan undang-undang Islam dengan mengikuti Alquran dan Sunnah Rasullah s.a.w. Ini adalah berbeza dengan majlis ugama negeri-negeri lain yang mengikuti ajaran Imam Shafie. Kajian ini diharap boleh dijadikan perbandingan dengan pentadbiran undang-undang Islam di negeri-negeri lain untuk menentukan cara yang lebih sesuai untuk memilih sumber undang-undang. Pada masa ini keadaan di negara-negara Arab menunjukkan bahawa mengambil ajaran seorang Imam sahaja dalam undang-undang Islam adalah tidak mencukupi. Oleh yang demikian disana telah dibuat satu cara untuk mengubahsuaiakan peraturan-peraturan hukum Syarak iaitu dengan memilih ajaran-ajaran Imam-Imam Ahli Sunnah wal-Jamaah yang lain, yang difikirkan lebih sesuai. Rasanya perkara ini tidak akan timbul jika cara menentukannya itu dibuat seperti yang terdapat di Perlis. Cara ini adalah sesuai untuk memastikan bahawa undang-undang itu dapat digunakan mengikut perkembangan masa.

Oleh kerana kajian ini dibuat hanya keatas pentadbiran undang-undang Islam sahaja maka tidak banyak perkara yang ditulis disini menyentuh tentang pentadbiran Majlis Ugama Islam sendiri. Hanya keterangan ringkas sahaja yang diberikan mengenai pentadbiran Majlis itu sendiri. Adalah diharapkan nanti agar ada pihak-pihak yang berminat

akan membuat kajian mengenai perkara tersebut.


Kajian ini dibuat berdasarkan kepada Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam 1963, Perlis. Oleh itu adalah diharapkan agar kajian ini dapat menjadi panduan dan penjelasan kepada pihak-pihak yang berkenaan apabila membaca enakmen tersebut. Sebahagian besar daripada kajian ini dibuat mengenai perkahwinan, penceraian, penjagaan anak dan nafkah. Masaalah-masaalah mengenai perkara-perkara ini berbangkit setiap hari di hadapan Kadi. Disamping itu terdapat juga kes-kes mengenai harta sepencarian dan lain-lain kes mal yang kecil. Tidak ada kes-kes besar seperti perbicaraan mengenai wasiat atau wakaf yang pernah dibicarakan di mahkamah Kadi. Terdapat juga beberapa kes kesahan jenayah dibicarakan.

Segala yang ditulis di dalam kajian ini adalah hasil dari temuramah dengan pegawai-pegawai yang berkenaan dan memerhati cara-cara mereka menyelesaikan tugas-tugas mereka. Oleh kerana memang sudah menjadi polisi Majlis tidak membenarkan pihak-pihak yang tidak terlibat untuk menghaziri perbicaraan rayuan yang didengar oleh Jawatankuasa Rayuan dan tidak membenarkan sesiapa pun melihat rekod-rekod kes perbicaraan maka ada beberapa perkara yang disentuh rasanya tidak menyeluruh dan tidak lengkap. Juga, ada setengah daripada butir-butir yang diminta tidak dapat diberi oleh pihak Majlis umpamanya fatwa-fatwa yang telah dibuat dan perangkaan mengenai kes-kes rayuan.

Seterusnya , beberapa cadangan dan komen dibuat untuk memperbaikinya beberapa kelemahan yang terdapat. Diharap cadangan-cadangan dan komen-komen yang itu dapat diberi pertimbangan yang sewajar oleh pihak pembaca dan pihak-pihak yang berkenaan agar pentadbiran Majlis ini dapat dijalankan dengan baiknya.

RAJAH 1


ORGANASASI JABATAN HAL EHWAL UGAMA ISLAM



Catitan: Ini hanya satu "draft" sahaja, yang dibuat oleh Majlis.

RAJAH 1

JABATAN HAL EHVAL UGAMA ISLAM PERLIS



buat oleh Majlis.